

INGIN BELAJAR KE LUAR NEGARA DALAM BIDANG PERGIGIAN?

RUJUK SOALAN LAZIM INI TERLEBIH DAHULU:

1

Apakah kelayakan luar negara yang diiktiraf untuk berdaftar dengan Majlis Pergigian Malaysia (MPM)?

Di bawah Akta Pergigian 2018 yang telah berkuat kuasa sejak 1 Januari 2022, MPM tidak lagi mempunyai senarai kelayakan yang diiktiraf. Mereka yang berminat dengan kerjaya sebagai doktor pergigian boleh mengikuti pengajian pergigian di mana-mana negara dengan syarat program pergigian tersebut memenuhi standard yang ditetapkan oleh MPM.

2

Apakah standard latihan yang ditetapkan MPM?

Standard yang ditetapkan merangkumi syarat kemasukan minimum, mod latihan, tempoh latihan, modul/ komponen latihan dan sama ada kelayakan tersebut boleh didaftarkan sebagai doktor pergigian di negara tersebut. Perincian standard boleh dirujuk di laman web MPM di <https://hq.moh.gov.my/ohp/mdc/>

3

Apakah syarat kemasukan untuk pengajian pergigian luar negara yang ditetapkan oleh MPM?

Syarat kemasukan ke program pergigian luar negara adalah sama dengan syarat kemasukan ke program pergigian bagi universiti dalam negara yang ditetapkan oleh Kementerian Pendidikan Tinggi. Syarat tersebut juga boleh diujuk di laman web MPM.

4

Bolehkah saya mengikuti pengajian pergigian di luar negara dengan keputusan SPM?

Tidak. Syarat kemasukan minimum yang setara dengan program pergigian dalam negara adalah sebahagian daripada standard yang ditetapkan MPM. Oleh itu, kemasukan ke program pergigian di luar negara perlu melalui matrikulasi/ asasi/ program pra pergigian selepas SPM.

5

Apa yang perlu saya lakukan setelah tamat pengajian pergigian di luar negara?

Bermula 1 Januari 2027, graduan pergigian luar negara yang ingin berdaftar dengan MPM perlu mengemukakan kelayakan untuk dinilai oleh MPM. Sekiranya ia menepati standard yang ditetapkan, graduan perlu lulus Peperiksaan Kelayakan Profesional (PQE) sebelum boleh berdaftar sebagai doktor pergigian dengan MPM dan mengamal di Malaysia.

6

Saya sedang belajar di luar negara dan akan tamat pengajian pada tahun 2025. Adakah saya perlu menduduki PQE untuk berdaftar?

Senarai kelayakan Jadual Kedua di bawah Akta Pergigian 1971 masih terpakai sehingga 31 Disember 2026. Sekiranya kelayakan tersebut tersenarai dalam Jadual Kedua 1971, anda boleh berdaftar tanpa menduduki PQE. Sekiranya kelayakan tersebut tidak tersenarai, ia perlu dinilai sama ada memenuhi standard yang ditetapkan MPM sebelum anda disahkan layak untuk menduduki PQE.

7

Saya telah menamatkan pengajian pergigian di luar negara namun hanya berhasrat untuk pulang ke Malaysia dan berdaftar selepas tahun 2026 kerana sedang bekerja/mengikuti pengajian pasca ijazah. Adakah saya boleh dikecualikan daripada penilaian kelayakan ijazah asas dan PQE?

Tidak. Semua graduan luar negara yang ingin mendaftar sebagai doktor pergigian selepas tahun 2026 perlu dinilai kelayakan asasnya dan lulus PQE walaupun telah lama menamatkan pengajian dan telah memiliki kelayakan pasca ijazah.

8

Bagaimana saya boleh mendapatkan maklumat terkini berkaitan PQE?

Anda dinasihatkan untuk mendapatkan maklumat terkini dari laman web MPM dan tidak mendapatkan penjelasan dari pihak lain. MPM tidak pernah mengiktiraf mana-mana pihak ketiga bagi tujuan penilaian kelayakan.

Sekiranya terdapat sebarang kemusykilan, sila hubungi MPM secara terus melalui e-mel kepada mdc@moh.gov.my.